

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa lamakah tambang semasa Bas Rapid Transit (BRT) akan dikekalkan. Adakah Kementerian sudi untuk mengurangkan tambang tersebut bagi meningkatkan kadar penggunaan BRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) Sunway melibatkan laluan khusus bas (*dedicated bus lanes*) sepanjang 5.4 kilometer di kawasan Bandar Sunway dan USJ. Ia merupakan salah satu daripada inisiatif berterusan Kerajaan bagi

mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam untuk kemudahan dan keselesaan pengguna.

Sejak ia mula beroperasi pada 2 Jun 2015 sehingga kini, BRT Sunway telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pengguna. Berdasarkan rekod, secara purata, BRT Sunway mencatat sebanyak 141,316 penumpang sebulan hampir mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 153,925 penumpang sebulan. Tambahan lagi, jika dibandingkan dengan perkhidmatan bas henti-henti di sekitar Lembah Klang, jumlah penumpang BRT Sunway sehari adalah seramai 5,047 penumpang berbanding dengan 2,353 penumpang untuk bas henti-henti. Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat kadar tambang BRT Sunway perlu dikekalkan dan tiada keperluan untuk mengurangkannya buat masa ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa tidak menolak kemungkinan untuk menyemak semula kadar tambang pengangkutan awam secara menyeluruh sekiranya perlu dan tidak terhad kepada perkhidmatan BRT Sunway sahaja.